



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT ***“Penghubung Solusi Permasalahan Anda”***

PUCHONG, 31 Oktober – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN melancarkan Pusat Sokongan Sosial Setempat Bergerak (PSSS *Mobile*) yang merupakan pusat rujukan khusus kepada kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU bagi mendapatkan perkhidmatan sosial yang holistik dan menekankan kepada pendekatan *whole of society* dan *whole of government*.

KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bekerjasama dengan agensi-agensi lain serta melibatkan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai rakan strategik. PSSS diwujudkan bagi tujuan membantu menangani isu-isu psikososial yang semakin menular dalam kalangan masyarakat. Perkhidmatan yang disediakan adalah perkhidmatan kaunseling secara bersemuka atau dalam talian, khidmat nasihat dan bimbingan, intervensi dan khidmat perlindungan sementara.

KPWKM akan menubuhkan tiga (3) premis PSSS di Selangor, Johor dan Kelantan manakala empat (4) PSSS *Mobile* akan memulakan operasi termasuk satu (1) pejabat satelit di Kuala Lumpur. Operasi PSSS ini diperkuatkan dengan sokongan daripada 111 individu daripada Skwad Sukarelawan Kaunselor Berdaftar.

PSSS merupakan inisiatif *outreach* bagi menyediakan pusat rujukan khusus di peringkat komuniti bagi mencapai objektif pewujudan PSSS :

- Menawarkan perkhidmatan psikososial yang holistik
- Akses kepada informasi dan perkhidmatan mengenai kaunseling dan intervensi
- Menggerakkan usaha *whole of government* dan *whole of society* dalam membendung masalah sosial serta menawarkan bantuan kepada pihak yang memerlukan
- Menjadi tempat rujukan setempat untuk mengemukakan aduan

KPWKM berharap inisiatif ini sebagai manifestasi baharu yang boleh menyatupadukan Keluarga Malaysia, dalam menyantuni serta membantu komuniti menangani masalah psikososial bersama-sama.

Hadir sama Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

###

Disediakan oleh:

Yayasan Kebajikan Negara

Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya.

03-8323 2437/2420